



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah**

**Sukatan Pelajaran**

---

**PENDIDIKAN SIVIK  
DAN  
KEWARGANEGARAAN**

---



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah

Sukatan Pelajaran

# PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

# **RUKUN NEGARA**

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita henda mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :-

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**

**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**

**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**

**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**

**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

# **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu, berkeupayaan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## KATA PENGANTAR

Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Penggubalan kurikulum mata pelajaran ini bertujuan memantapkan Akt Pendidikan, memenuhi semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi cabaran pendidikan pada abad 21.

Penggubalan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ini, memberi penekanan kepada nilai murni dan semangat patriotik bagi menyediakan murid untuk memainkan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Murid dididik untuk berfikir, berilmu pengetahuan luas beretika tinggi, hidup dalam semangat perpaduan dan berupaya menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan bijaksana. Diharapkan kurikulum ini dapat membentuk peribadi murid yang berkeyakinan dan tabah dalam mengatasi segala rintangan dan cabaran hidup.

Mata pelajaran ini ialah mata pelajaran teras untuk semua murid tahap dua peringkat sekolah rendah. Kandungan Sukatan Pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merangkumi aspek-aspek pengetahuan sivik, kemahiran sivil dan nilai sivik.

Adalah diharapkan guru-guru menghayati dan melaksanakan kehendak kehendak sukatan pelajaran ini agar matlamat dan objektif yang telah ditetapkan akan tercapai.

Kementerian Pelajaran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas sumbangan kepakarannya masa dan tenaga sehingga terhasilnya sukatan pelajaran ini.



**(TAN SRI ABDUL RAFIE BIN MAHAT)**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

## **Pendahuluan**

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan merupakan mata pelajaran yang memainkan peranan penting dalam kurikulum kebangsaan sekolah rendah bagi melahirkan murid yang dapat menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara. Mata pelajaran ini memberi tumpuan kepada perkembangan diri, hubungan dengan orang lain dan interaksi dengan persekitaran. Mata pelajaran ini juga adalah wahana bagi mewujudkan semangat perpaduan dan apresiasi pelbagai budaya masyarakat negara ini. Kandungan mata pelajaran ini membolehkan murid memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik bagi menghadapi cabaran masa depan.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan menekankan empat prinsip pendidikan yang penting iaitu belajar untuk mengetahui (*learning to know*), belajar untuk bertindak (*learning to do*), belajar untuk hidup bersama (*learning to live together*) dan belajar untuk membentuk peribadi (*learning to be*). Belajar untuk mengetahui membolehkan murid menguasai ilmu bagi membina perasaan dan tingkah laku sivik. Belajar untuk bertindak merujuk kepada aplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian murid yang dikembangkan menerusi aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah. Belajar untuk membentuk peribadi membolehkan murid berkembang secara menyeluruh dari segi rohani, intelek, fizikal, emosi dan sosial. Prinsip belajar untuk hidup bersama merupakan asas dalam mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Melalui prinsip ini, perpaduan dalam keluarga, komuniti dan masyarakat pelbagai kaum dapat dipupuk.

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ialah mata pelajaran teras untuk semua murid sekolah rendah Tahap II. Selaras dengan ini, pihak sekolah bertanggungjawab membina sahsiah dan potensi murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu bagi murid untuk melaksanakan hak dan tanggungjawab sivik. Murid juga perlu dipupuk dengan pemikiran kritis dan kreatif serta kesedaran sivik untuk melahirkan individu yang dapat memainkan peranan yang berkesan dalam keluarga dan masyarakat.

## **Matlamat**

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan bertujuan memberi kesedaran kepada murid tentang peranan, hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat dan negara untuk melahirkan anggota masyarakat dan warganegara yang bersatu padu, patriotik dan boleh menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan dunia.

## Objektif

Objektif mata pelajaran ini merangkumi tiga aspek iaitu pengetahuan kemahiran dan nilai.

### Objektif Pengetahuan :

- i. Mengetahui pasti tingkah laku yang boleh menyumbang terhadap pembangunan watak yang mulia.
- ii. Menerangkan peranan dan tanggungjawab ke arah pembinaan keluarga yang bahagia.
- iii. Menjelaskan kepentingan hidup bersama secara harmoni.
- iv. Memahami pelbagai agama, tradisi dan budaya masyarakat Malaysia.
- v. Menerangkan sistem kerajaan Malaysia dan sumbangan pemimpin negara.
- vi. Mengetahui pasti cabaran dan ancaman dalam masyarakat.

### Objektif Kemahiran :

- i. Menguruskan diri dengan baik dan bertanggungjawab.
- ii. Mengamalkan kesederhanaan dalam tingkah laku.
- iii. Berinteraksi secara sopan dengan anggota keluarga, rakan dan masyarakat.
- iv. Menangani konflik diri, keluarga dan rakan.
- v. Belajar hidup bersama untuk kesejahteraan diri dan masyarakat.
- vi. Menyertai aktiviti masyarakat untuk kebaikan bersama.
- vii. Membuat keputusan yang bijak dengan mengambil kira kepentingan diri dan orang lain.

### Objektif Nilai :

- i. Mempunyai keyakinan terhadap kebolehan diri.
- ii. Menghargai sumbangan ibu bapa dan anggota keluarga.
- iii. Menghormati kaum dan budaya lain.
- iv. Menyayangi alam sekitar.
- v. Menunjukkan semangat kekitaan.
- vi. Menghormati pemimpin dan menghargai jasa mereka.
- vii. Menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara.

## Organisasi Kandungan

Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan memberi penekanan terhadap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivik. Pengetahuan sivik terdiri daripada maklumat dan idea asas yang murid harus tahu serta menggunakannya untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan berkesan. Maklumat asas ini merangkumi aspek perkembangan diri, hubungan kekeluargaan, interaksi dengan orang lain, masyarakat pelbagai kaum dan budaya di Malaysia, pentadbiran negara dan cabaran masa depan.

Kemahiran sivik terdiri daripada kemahiran melibatkan diri dalam aktiviti aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah. Kemahiran ini membolehkan murid membuat keputusan, menyelesaikan masalah, meningkatkan kesedaran sivi dan memberi sumbangan terhadap pembangunan keluarga dan masyarakat.

Komponen nilai sivik terdiri daripada nilai murni yang perlu untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia dan warganegara yang bertanggungjawab. Nilai sivi ini, antara lain merangkumi toleransi, menghormati hak orang lain, adil, saksam dan patriotisme. Nilai sivik juga menekankan penghargaan terhadap persamaaan dan kelainan dalam masyarakat pelbagai budaya.

### 1. Kandungan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

Kandungan mata pelajaran ini digubal secara tematik. Penggubalan tema ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya, bermula dari diri sendiri, hubungan dengan keluarga, masyarakat sekolah, komuniti luar sekolah, negara dan cabaran masa depan murid. Dalam konteks ini, murid didedahkan dengan unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai yang menjangka ciri-ciri masyarakat Malaysia.

Tema yang ditetapkan adalah seperti berikut:

#### i. Sayangi Diri

Tema ini menghuraikan aspek perkembangan diri iaitu cara murid mengenal, mengurus dan mendisiplinkan diri serta mempelajari tentang hak dan tanggungjawab mereka sebagai kanak-kanak. Topik dalam tema ini ialah:

- Mengenal diri
- Keyakinan diri
- Pengurusan diri
- Disiplin diri
- Pengurusan masa
- Hak dan tanggungjawab kanak-kanak

## **ii. Sayangi Keluarga**

Tema ini menghuraikan peranan dan tanggungjawab anggota keluarga dan pembinaan keluarga bahagia mengikut perspektif pelbagai agama. Topik dalam tema ini ialah:

- Mengenal keluarga sendiri
- Peranan dan tanggungjawab anggota keluarga asas
- Hubungan keluarga kembangan
- Keluarga yang harmoni mengikut ajaran pelbagai agama dan kepercayaan

## **iii. Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat**

Tema ini menghuraikan aspek interaksi dan komunikasi dalam komuniti sekolah, semangat kejiwaan, tanggungjawab individu terhadap alam sekitar dan peranan agensi tempatan dalam memastikan kesejahteraan hidup bermasyarakat. Topik dalam tema ini ialah:

- Interaksi dan komunikasi dengan komuniti sekolah
- Semangat kejiwaan
- Aktiviti kejiwaan
- Tanggungjawab terhadap kawasan persekitaran
- Kebersihan dan keceriaan persekitaran
- Peranan agensi tempatan

## **iv. Kenali Budaya Malaysia**

Tema ini menghuraikan kepelbagaian warisan budaya masyarakat dan tanggungjawab individu untuk mengekalkan dan menghargai warisan budaya negara. Topik dalam tema ini ialah:

- Kenali dan apresiasi kekayaan pelbagai warisan budaya Malaysia
- Kenali adab sosial warisan budaya Malaysia
- Tanggungjawab mengekalkan kepelbagaian warisan budaya Malaysia

## **v. Malaysia Negaraku**

Tema ini menghuraikan aspek identiti negara, sistem kerajaan Malaysia, kepemimpinan negara dan tanggungjawab rakyat untuk mengekalkan kemerdekaan negara. Topik dalam tema ini ialah:

- Kenali Malaysia
- Bangga dengan identiti negara
- Kenali sistem kerajaan Malaysia

- Kenali dan hormati pemimpin negara
- Hargai perjuangan tokoh-tokoh
- Tanggungjawab mengekalkan kemerdekaan

#### vi. Sedia Hadapi Cabaran

Tema ini menghuraikan aspek persediaan diri untuk masa depan, ci individu terpuji dan kehidupan remaja yang sihat dan cergas. Topik dalam tema ini ialah:

- Membina budaya cemerlang untuk masa depan
- Ciri-ciri peribadi terpuji
- Remaja yang sihat dan cergas

Tema dalam mata pelajaran ini tidak terikat dengan urutan dan guru boleh menyesuaikan tema-tema ini dengan aktiviti dan isu semasa yang berlaku dalam sekolah, masyarakat atau di peringkat kebangsaan. Misalnya, tema Malaysi Negaraku boleh diajar dalam konteks sambutan bulan kemerdekaan supaya murid dapat memahami peranan dan tanggungjawabnya sebagai warganegar dengan lebih berkesan dan bermakna.

## 2. Projek Kewarganegaraan

Projek Kewarganegaraan merupakan komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Projek Kewarganegaraan ialah kerja amali yang dijalankan di luar jadual waktu persekolahan. Murid dikehendal menjalankan satu Projek Kewarganegaraan **sekurang-kurangnya 10 jar setahun dan menyediakan laporan dalam bentuk portfolio**. Melalui projek ini murid diharapkan dapat merealisasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai sivil. Penyertaan murid dalam kerja projek ini juga dapat menyediakan warganegar yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Pihak sekolah memainkan peranan penting dalam memastikan murid menjalankan kerja projek mengikut tema seperti dalam senarai cadangan di bawah. Namun begitu, **guru dan murid boleh memilih projek lain yang difikirkan sesuai dengan persekitaran, tahap dan pencapaian murid**.

Tahun	Tema	Cadangan Projek
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sayangi Diri</li> <li>• Sayangi Keluarga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Brosur Penjagaan Kesihatan Diri</li> <li>– Brosur Penjagaan Keselamatan Diri</li> <li>– Projek Hari Ibu Bapa</li> <li>– Kempen Budaya Sopan</li> </ul>

5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hidup Bersama di Sekolah dan Masyarakat</li> <li>• Kenali Budaya Malaysia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Projek Mencerikan Sekolah</li> <li>– Projek Menghijaukan Sekolah</li> <li>– Projek Haiwan Peliharaan</li> <li>– Projek Membersihkan Jalan/Pantai/Tempat Rekreasi/Tempat Beribadat di Kawasan Setempat</li> <li>– Sudut Maklumat Adat Resam Kaum</li> <li>– Hari Kebudayaan Pelbagai Kaum</li> <li>– Projek Mengenali Bahasa-bahasa di Malaysia</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia Negaraku</li> <li>• Sedia Hadapi Cabaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Brosur Tempat-tempat Menarik di Malaysia</li> <li>– Projek Bendera Sekolah/Negeri/Jalur Gemilang</li> <li>– Kempen Sifar Ponteng</li> <li>– Kempen Anti Merokok</li> <li>– Kempen Pengukuhan Bahasa Inggeris</li> <li>– Pusat Aduan Murid</li> <li>– Stesen Radio Sekolah</li> </ul>

### Strategi Pelaksanaan

Dalam usaha menjadikan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sebagai mata pelajaran menarik dan berkesan, pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran mesti digunakan. Kepelbagaian strategi ini harus membe penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid dan berorientasikan aktiviti *hands-on* di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh itu strategi yang dijalankan sewajarnya dapat meningkatkan pengetahuan murid tentang isu sivik, menerapkan pelbagai kemahiran dan memupuk nilai sivi ke arah melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, patriotik dan bersatu padu.

### Penilaian

Untuk mengukur pembelajaran murid dalam Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai, guru digalakkan menggunakan pelbagai cara penilaian. Antara cadangan bentuk penilaian yang boleh dijalankan ialah pemerhatian, senarai semak tingkah laku, ujian, tugasan dan laporan.